



## Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Bola itu Bulat.”

Tarikh : 01 November 2021

Pengacara Majlis : Puan Norhayati binti Ismail  
Bacaan Doa : Encik Abd Hamid bin Dahir

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasi staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Puan Rahmah binti Yusak, Pegawai Belia & Sukan dari Pusat Kecemerlangan Sukan telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Bola itu Bulat.”

Beliau telah menggunakan pendekatan bola itu bulat, tidak semestinya mengalah sebelum berjuang. Pada zaman persekolahan beliau, merupakan pelajar yang aktif di arena sukan sehingga mendapat tawaran bekerja di UTM pada tahun 1990 sebagai Pegawai Belia dan Sukan.

Pelbagai ilmu kejurulatihan dan penglibatan sebagai koordinator pasukan telah dapat menambahkan pengalaman sekali gus berjaya membentuk atlet sukan acara bola jaring menaikkan nama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kenangan yang paling manis ialah kejohanan meraih pingat emas dengan hanya dua (2) orang wakil negara pada SUKIPT 2012 semasa perlawanan bola jaring dengan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang mewakilkan tujuh (7) orang wakil negara. Atlet sukan bola jaring sekali lagi telah berjaya mempertahankan kejuaraan pada SUKIPT 2014 dan sekali gus dapat membanggakan hasrat UTM.

Antara tipnya adalah menjalinkan semangat kerjasama dalam pasukan, sentiasa menunjukkan komitmen, berjiwa kental, cekal dan waja, keserasian minda iaitu sentiasa sepakat, keterbukaan minda semasa menerima teguran, komunikasi yang baik, sesi *brainstorming*, perbincangan selepas pertandingan.

Selain itu, memberikan khidmat nasihat dan motivasi, mengadakan kem latihan bagi pemantapan pasukan, menjaga disiplin imej yang bermula dari latihan sukan, menepati masa, perkongsian pengalaman daripada atlet wakil negara, menyuntik ilmu kerohanian, mengeratkan hubungan silaturahim agar keseronokan bersukan terserlah.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

